



TEKS UCAPAN

**YB. DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

SEMPENA

MAJLIS PERHIMPUNAN JKKK NEGERI JOHOR

**BERJAYA WATERFRONT HOTEL,
JOHOR BAHRU**

**16 JANUARI 2017 (ISNIN)
WAKTU KETIBAAN : 3.00 PETANG**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera.

Terima kasih kepada Saudara Pengerusi Majlis

- SENARAI PROTOKOL -

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu saya ingin merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran kehadiran Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, maka kita dapat bersama-sama berkumpul pada hari ini dalam Majlis Perhimpunan JKKK Negeri Johor.

2. Pada kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan sekalung penghargaan dan rasa amat berbesar hati di atas kehadiran YAB Dato' Seri Mohd Khaled Nordin, Menteri Besar Johor yang turut sudi meluangkan masa bersama-sama dengan KKLW dan seluruh JKKK Negeri Johor Darul Takzim.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri dan para hadirin yang dihormati sekalian,

3. Bagi pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Pengerusi dan Setiausaha JKKK Seluruh Negeri Johor yang hadir meluangkan masa bersama KKLW dan juga Pemimpin Tertinggi Negeri pada majlis yang amat bermakna ini. Saya difahamkan, daripada jumlah keseluruhan 669 JKKK yang meliputi sepuluh (10) daerah dan diwakili seramai 10,035 anggota JKKK, majoritinya berada di sini pada hari ini dalam majlis yang dianjurkan khusus untuk meraikan tuan-tuan dan puan-puan.

4. Peranan JKKK sememangnya tidak boleh dinafikan dalam usaha membantu kerajaan menyampaikan segala agenda yang telah dirancang di Peringkat Kerajaan Persekutuan kepada rakyat terutama rakyat luar bandar. Tuan-tuan dan puan-puan adalah merupakan barisan hadapan yang dapat menyalurkan informasi mengenai dasar Kerajaan, terutamanya usaha-usaha serta pencapaian program-program yang telah dilaksanakan bagi mempertingkatkan kemajuan dan kesejahteraan hidup masyarakat luar bandar.

5. Justeru, Kementerian sentiasa berusaha untuk membantu para JKKK agar dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan lebih efisien. Pada tahun 2016 yang lalu, Kementerian telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM10.3 juta bagi melaksanakan pembayaran empat (4) jenis elaun kepada JKKK negeri Johor yang meliputi :-

- i) Elaun Pengerusi berjumlah RM800 sebulan
- ii) Elaun Setiausaha berjumlah RM300 sebulan
- iii) Elaun Pengendalian Mesyuarat berjumlah RM100 bagi sekali mesyuarat
- iv) Elaun Kehadiran Mesyuarat berjumlah RM50 seorang

6. Suka untuk saya maklumkan bahawa berdasarkan prestasi perbelanjaan sehingga 31 Disember 2016, sebanyak RM10.1 juta atau 98.2% telah dibelanjakan. Namun, pencapaian prestasi perbelanjaan tersebut sebenarnya boleh 100% dicapai sekiranya kesemua JKKK Negeri Johor dapat memenuhi sasaran KPI dengan mengadakan 8,028 mesyuarat setahun. Ini bermakna, setiap 669 JKKK perlu melaksanakan mesyuarat setiap bulan tanpa gagal.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri dan para hadirin yang dihormati sekalian,

7. Sebagai peneraju KKLW, saya sentiasa menekankan bahawa agenda pembangunan luar bandar perlu dilaksanakan dengan lebih teliti dan seimbang. Pada 20 November 2015 yang lalu, saya telah melancarkan Transformasi Luar Bandar bertemakan "Membandarkan Luar Bandar" yang bermatlamat meningkatkan kemajuan dalam pelbagai aspek seperti ekonomi, keusahawanan, modal insan dan pembangunan sosial. Transformasi Luar Bandar ini telah menjadi panduan kepada Bahagian dan Agensi yang berada di bawah KKLW termasuk KEJORA dalam merancang program dan projek yang melibatkan rakyat terutama di kawasan luar bandar. Saya mahu melihat semua rakyat pelbagai lapisan mendapat manfaat daripada peruntukan yang disalurkan kerajaan kepada KKLW.

8. Semua yang dirancang oleh KKLW dan agensi ini tidak akan dapat dilaksanakan tanpa sokongan daripada akar umbi. Justeru, sokongan daripada seluruh JKKK amat diperlukan dalam memastikan agenda kerajaan dapat dijalankan dengan baik. Bukan setakat itu sahaja, Pengerusi dan Setiausaha memainkan peranan penting sebagai benteng dalam menangkis segala serangan negatif terhadap KKLW dan kerajaan. Selaras dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 7 November 2014 yang telah melantik Pengerusi JKKK sebagai Penolong Pendaftar Pemilih juga, adalah turut menjadi tanggungjawab besar bagi ahli-ahli JKKK untuk sama-sama membantu Pengerusi JKKK dalam usaha untuk meningkatkan bilangan pengundi baru di kampung masing-masing demi menjamin sokongan berterusan terhadap kerajaan.

KE ARAH PEMERKASAAN JKKK 2017

Para hadirin yang saya kasihi sekalian,

9. Bagi membantu memantapkan lagi peranan dan pemerkasaan fungsi JKKK Negeri Johor, Kementerian telah memperuntukkan beberapa inisiatif khususnya peruntukan kewangan sebanyak RM15,654,600 bagi tahun 2017 untuk pembayaran

elaun Pengerusi, Setiausaha, Pengendalian Mesyuarat dan Kehadiran Mesyuarat. Pecahan peruntukan meliputi :-

i) Elaun Pengerusi sebanyak RM900 sebulan melibatkan peruntukan keseluruhan berjumlah RM7,225,200.00

ii) Elaun Setiausaha sebanyak RM300 sebulan melibatkan peruntukan keseluruhan berjumlah RM2,408,400.00

iii) Elaun Pengendalian Mesyuarat sebanyak RM100 bagi sekali mesyuarat melibatkan peruntukan keseluruhan berjumlah RM802,800.00 ; dan

iv) Elaun Kehadiran Mesyuarat sebanyak RM50 seorang melibatkan peruntukan keseluruhan RM5,218,200.00

10. Saya juga ingin memaklumkan bahawa menerusi Mesyuarat MEXCLUB yang diadakan 7 November 2016 yang lalu, Kementerian juga bersetuju supaya pembayaran keempat-empat jenis elaun tersebut dikekalkan di bawah Kerajaan Negeri Johor memandangkan terdapatnya tambahan elaun yang disediakan oleh Kerajaan Negeri.

11. Inisiatif dengan had maksimum RM100 ribu juga diperuntukkan untuk kerja-kerja pembaikan rumah secara gotong-royong yang diterajui oleh JKKK tanpa melibatkan kontraktor luar. Peruntukan ini akan disalurkan secara pemberian terus kepada JKKK selaku peneraju projek.

Para hadirin yang saya kasihi sekalian,

12. Sewaktu Majlis Perhimpunan JKKK Peringkat Kebangsaan yang dirasmikan oleh YAB Dato' Sri Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia pada 3 Disember 2015 yang lalui, beliau telah melancarkan aplikasi i-Desa yang menyediakan data-data asas kampung di seluruh negara. Aplikasi yang dibangunkan secara dalaman oleh INFRA ini boleh diakses melalui telefon mudah alih menerusi Play Store. Untuk tahun 2017 ini, Aplikasi i-Desa akan ditambahbaik bagi membolehkan orang awam membuat capaian maklumat mengenai produk-produk usahawan desa. Di sinilah JKKK berperanan untuk membantu pihak Kementerian menyediakan maklumat-maklumat tersebut.

13. KKLW juga akan mewujudkan e-Pelaporan bagi membolehkan JKKK merekod dan melaporkan Minit Mesyuarat, Penyata Kewangan, Aset/Inventori, Pencapaian KPI dan sebagainya kepada pihak-pihak berkepentingan secara atas talian.

14. Selain itu, Sijil Eksekutif Pengurusan Desa akan diperkenalkan bagi melahirkan JKKK yang mampu berperanan sebagai agen transformasi akar umbi bagi merealisasikan agenda “Membandarkan Luar Bandar”.

15. Seterusnya, Penubuhan Majlis Pemuafakatan YB Menteri Bersama Wakil-wakil Pengerusi JKKK/P Negeri juga akan diwujudkan mulai tahun ini bagi menyelami denyut nadi rakyat di peringkat akar umbi. Menerusi medium ini, maklum balas mengenai program-program pembangunan luar bandar yang dilaksanakan akan dapat diperolehi dan dikumpul bagi melihat sejauh mana kejayaan dan keberkesanan sesuatu program tersebut.

Para hadirin yang saya kasihi sekalian,

16. Mulai tahun 2017 ini juga, Kementerian mengambil inisiatif untuk menyediakan Kad JKKK/P yang akan diberikan kepada semua JKKK dan JKKKP sebagai tanda pengenalan diri untuk berurusan secara langsung dengan Jabatan / Agensi Kerajaan mengenai hal ehwal pembangunan kampung. Dengan langkah ini, diharapkan bahawa sebarang urusan dapat dipermudah dan dipercepatkan demi kepentingan bersama.

17. Fungsi JKKK juga akan diperkukuhkan lagi bagi program pemantauan projek-projek pembangunan di peringkat kampung termasuk memantau dan membantu dalam projek pembinaan jalan-jalan kampung, pemasangan air dan elektrik selenggara longkang, dan sebagainya.

PENUTUP

Yang Amat Berhormat Dato' Seri dan para hadirin yang dihormati sekalian,

18. Sesungguhnya JKKK merupakan nadi penggerak di akar umbi yang menjadi benteng Kerajaan dalam mendukung hasrat dan dasar-dasar Kerajaan untuk disampaikan kepada masyarakat di luar bandar. Selain itu, JKKK menjadi penghubung antara masyarakat kampung dengan Kerajaan dan badan-badan bukan Kerajaan dengan memberikan penjelasan dan mengambil tindakan mengenai arahan-arahan Kerajaan.

20. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada kali ini, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YAB Menteri Besar di atas kesudian meluangkan masa bersama-sama kita, jutaan terima kasih juga kepada semua pihak yang menjayakan majlis ini dan kepada semua yang telah hadir dari jauh dan dekat khususnya para pemimpin akar umbi. Semoga perhimpunan ini beroleh keberkatan dari-Nya dan memberikan impak yang akhirnya diterjemahkan dalam bentuk

transformasi luar bandar yang menyediakan kehidupan sejahtera kepada setiap komunitinya.

Sekian, wabillahitaufik walhidayah.

Wassalamualaikum wbt.